

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

ACW 102 - Makroekonomi

Masa : [ 3 jam ]

---

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

---

Soalan 1

- a. Namakan tiga jenis penyukatan yang digunakan bagi menyukat tingkat harga, dan terangkan perbezaan antaranya.
- b. Bezakan antara inflasi tarikan-permintaan dan tolakan-kos. Berikan penerangan dan lukiskan keluknya.
- c. Sebagai satu alternatif kepada pendekatan perbelanjaan dalam pengiraan KDNK (GDP), terangkan 4 komponen pendapatan Negara? Komponen yang mana satukah yang terbesar dalam pendapatan Negara?
- d. Senaraikan dan terangkan 3 fungsi wang dan 3 jenis aset pasaran wang.

[ 25 markah ]

Soalan 2

- a. Lukiskan keluk agregat permintaan ekuilibrium (AED), lebelkan paksinya dengan betul. Apakah 3 perkara yang menentukan cerun keluk agregat permintaan ekuilibrium? Terangkan.
- b. Dengan menggunakan model polisi makro, terangkan keadaan berikut dan lukiskan keluknya.
  1. Pada tahun 1995, Jepun mengalami penurunan tahap harga. Harga tanah adalah separuh daripada harga tahun 1991 dan harga borong telah jatuh 9%. Pada masa yang sama output sebenar juga menurun.

...2/-

2. Pada tahun 1994, Peso Mexico telah dinilai semula dan menyebabkan inflasi secara mendadak dan kejatuhan output sebenar.
3. Penyatuan dan pengumpulan penawaran buruh yang besar oleh negeri Cina telah membolehkan banyak negara mendapat faedah daripada peningkatan output sebenar tanpa meningkatkan inflasi.

[ 25 markah ]

Soalan 3

- a. Penggunaan/perbelanjaan mengandungi dua komponen iaitu autonomi dan aruhan. Terangkan apa yang dimaksudkan perbelanjaan autonomi dan perbelanjaan aruhan.
- b. Terangkan kritikan-kritikan Keynes ke atas Teori Guna Tenaga Penuh dan penentuan kegiatan ekonomi Klasik.
- c. Terangkan erti konsep-konsep berikut:-
  - i. Paradoks berjimat.
  - ii. Kecenderungan mengguna dan kecenderungan menabung.
  - iii. Kecekapan modal sut.
  - iv. Aliran pusingan pendapatan untuk ekonomi 2 sektor.
- d. Apakah faktor-faktor yang menentukan penggunaan isi rumah dalam ekonomi? Yang manakah dianggap sebagai faktor yang paling penting?

[ 25 markah ]

Soalan 4

- a. Terangkan aliran pusingan pendapatan dalam ekonomi tiga sektor. Nyatakan jenis-jenis suntikan dan bocoran dalam ekonomi tersebut. Apakah syarat yang harus dipenuhi agar ekonomi tiga sektor mencapai keseimbangan?
- b. Andaikan dalam satu ekonomi berlaku keadaan yang dinyatakan di bawah ini.
  - i. Fungsi penggunaan:  $C = 20 + 0.75 Yd$ .
  - ii. Cukai dikenakan sebanyak 20 peratus dari pendapatan negara.
  - iii. Perbelanjaan kerajaan adalah RM50 billion dan pelaburan swasta adalah 30 billion.

Jawab soalan-soalan berikut.

- I. Hitungkan pendapatan negara pada keseimbangan.
- II. Bagaimanakah belanjawan kerajaan iaitu samada lebihan, defisit atau seimbang?

...3/-

- III. Apabila pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh adalah 3000, masalah apakah yang dihadapi oleh ekonomi tersebut?  
IV. Dengan menggunakan pendekatan (i) penawaran agregat - perbelanjaan agregat, dan (ii) suntikan - bocoran, lukiskan keadaan ekonomi tersebut.

[ 25 markah ]

Soalan 5

- a. Terangkan polisi monetari dan nyatakan kesannya ke atas ekonomi dengan menggunakan model polisi makro.  
Mengikut pandangan Klasik atau Keynesian, apakah bentuk laluan agregat penawaran dan terangkan kesan bentuk tersebut terhadap polisi monetari ke atas tahap harga dan pendapatan sebenar?
- b. i) Tunjukkan kesan pengembangan dan pengecutan operasi pasaran terbuka ke atas kadar faedah, dengan menggunakan keluk permintaan dan penawaran pasaran bon kerajaan.  
ii) Apakah yang patut dilakukan oleh Bank Negara Malaysia jika kadar faedah di bawah daripada kadar sasaran?
- c. Lukiskan keluk Philip untuk jangka pendek dan jangka panjang. Mengapa bentuk keluk Philip jangka pendek berbeza daripada bentuk keluk Philip jangka panjang?

[ 25 markah ]

Soalan 6

- a. Difinasikan defisit perdagangan dan terangkan mengapa terdapatnya percanggahan pendapat di antara pembuat-pembuat polisi iaitu samada defisit patut dikenakan atau tidak.
- b. Apakah patut sesebuah negara mempunyai kadar tukaran rendah atau tinggi? Terangkan.
- c. Definasikan dan namakan 3 komponen baki pembayaran [balance of payments].
- d. Terangkan dan bandingkan keberkesanan dasar fiskal dan dasar kewangan dalam sistem kadar tukaran tetap dan fleksibel.

[ 25 markah ]

---ooo000coo---